



**IKLAN JAWATAN KOSONG PEKERJA SAMBILAN HARIAN (PSH)
DI HOSPITAL CANSELOR TUANKU MUHRIZ (HCTM)**

Jabatan Sumber Manusia ingin mempelawa warganegara Malaysia yang berkeelayakan dan komited serta berdedikasi untuk mengisi kekosongan Pekerja Sambilan Harian (PSH) di Hospital Canselor Tuanku Muhriz (HCTM) UKM seperti di berikut:

1. SYARAT LANTIKAN

- i. warganegara Malaysia;
- ii. berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- iii. Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;

1.1 PEPERIKSAAN / PERSIJILAN

• **Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) Sijil Terbuka (dilaksanakan mulai 1999)**

Calon yang memiliki Sijil SPM mengikut sistem terbuka adalah layak dipertimbangkan pelantikan ke jawatan dalam Kumpulan Pelaksana yang bersesuaian yang mensyaratkan SPM tertakluk calon berkenaan memiliki keputusan SPM Sijil Terbuka seperti berikut:

- a) lulus enam (6) mata pelajaran termasuk Bahasa Melayu, dengan dua (2) daripada mata pelajaran adalah di peringkat Kepujian dan selebihnya peringkat Lulus dalam satu peperiksaan; atau
- b) lulus enam (6) mata pelajaran termasuk Bahasa Melayu, dengan dua (2) mata pelajaran adalah di peringkat Kepujian dan selebihnya peringkat Lulus yang dikumpulkan dalam dua peperiksaan dalam tempoh tiga tahun berturut-turut; dan
- c) memenuhi syarat Bahasa Melayu sama ada Kepujian atau Lulus (mana yang berkenaan) dan mata pelajaran tertentu seperti mana disyaratkan dalam skim pekhidmatan

• **Sijil Vokasional Malaysia (SVM) (dilaksanakan mulai 2012)**

Calon yang memiliki Sijil SVM adalah layak dipertimbangkan pelantikan ke jawatan dalam Kumpulan Pelaksana yang bersesuaian yang mensyaratkan SPM/SVM. Bagi tujuan memenuhi syarat lulus atau kepujian Bahasa Melayu untuk pelantikan ke Perkhidmatan Awam, calon hendaklah memperoleh pencapaian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu (Kod 1104) seperti berikut:

Syarat Kelulusan Bahasa Melayu Untuk Pelantikan Ke Perkhidmatan Awam	Syarat Pencapaian Dalam Mata Pelajaran Bahasa Melayu (Kod 1104)
Kepujian	Sekurang-kurangnya Gred 'C'
Lulus	Sekurang-kurangnya Gred 'E'

2. KRITERIA PEMILIHAN:

- i. Boleh bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris dengan baik.
- ii. Boleh bekerja secara individu dan berkumpulan serta menjalankan tugas lain seperti yang diarahkan.
- iii. Bersedia menerima arahan kerja lebih masa sekiranya diperlukan.
- iv. Mahir menggunakan komputer dan perisian *Microsoft Office*.

3. CARA MEMOHON:

Sila kemukakan *resume* beserta Salinan Kad Pengenalan, Salinan Sijil SPM/SVM dan Salinan Sijil Berhenti Sekolah ke alamat emel ejawatan@ppukm.ukm.edu.my

4. TEMPOH PERMOHONAN:

Bermula **12 Mei 2022** hingga **26 Mei 2022**

5. Hanya calon yang layak sahaja akan dihubungi untuk temuduga. Permohonan dianggap tidak berjaya sekiranya tidak menerima sebarang pemakluman selepas 4 bulan daripada tarikh tutup permohonan.